

AIA PUBLIC Takaful Dana Berkaitan Pelaburan



Laporan Prestasi

Pada 30 November 2016



KANDUNGAN

Utusan Ketua Pegawai Eksekutif	01 - 02
Tinjauan pasaran bagi tahun kewangan berakhir 30 November 2016	03 - 06
Jadual Perbandingan Prestasi	07 - 17
Butiran Pelaburan	18 - 25
Kenyataan Pihak Pengurusan	26
Laporan Juruaudit Bebas kepada Pemegang Sijil	27 - 28
Penyata Aset dan Liabiliti	29 - 30
Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan	31
Penyata Perubahan dalam Nilai Aset Bersih	32
Nota-nota kepada Maklumat Kewangan	33 - 36

CEO's Message	37 - 38
Market review for the financial year ended 30 November 2016	39 - 42
Comparative Performance Table	43 - 53
Details of Investments	54 - 61
Statement by Manager	62
Independent Auditors' Report to the Certificate Holders	63 - 64
Statement of Assets and Liabilities	65 - 66
Statement of Income and Expenditure	67
Statement of Changes in Net Asset Value	68
Notes to the Financial Information	69 - 72

UTUSAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

Peserta-peserta Yang Dihargai,

Tinjauan Pasaran

Sepanjang tahun 2016, pasaran saham Malaysia telah menghadapi kesukaran berikutan beberapa isu-isu tempatan dan global, yang telah mengakibatkan Indeks FBM Emas Syariah menurun sebanyak 4.84%.

Tahun ini bermula dengan sentimen yang tidak berapua menggalakkan disebabkan kemerosotan mendadak ekonomi negara China dan prestasi pasaran sahamnya yang menjunam dan seterusnya mencetuskan penjualan mendadak di perantauan Asia. Pasaran Malaysia kemudiannya menampakkan lantunan pada Mac 2016 berdasarkan pemulihan harga minyak mentah serta langkah Bank Negara untuk mengurangkan rizab berkanun daripada 4.0% kepada 3.5%. Walau bagaimanapun, perkembangan ini tidak kekal lama kerana munculnya kembali isu hutang 1MDB, disusuli dengan pengumuman MSCI akan pengurangan pewajaran Malaysia dalam indeks MSCI.

Pasaran global mengalami kejutan pada Jun 2016 berikutan keputusan UK untuk meninggalkan Kesatuan Eropah, namun situasi ini mereda dengan cepat bersandarkan jangkaan bahawa bank-bank pusat global akan terus melonggarkan dasar monetarinya. Pasaran Malaysia juga dirangsang oleh penurunan kadar faedah sebanyak 0.25% oleh Bank Negara pada Julai 2016 seiring dengan langkah-langkah awal Bank Negara bagi memastikan pertumbuhan ekonomi kekal pada landasan yang stabil.

Bulan November 2016 merupakan jangka waktu yang tidak menentu bagi pasaran global berikutan kemenangan mengejut Donald Trump dalam Pilihan Raya Presiden Amerika Syarikat. Memandangkan rancangan Donald Trump untuk melaburkan USD1 trilion sepanjang tempoh 10 tahun untuk membina semula infrastruktur Amerika, pasaran menjangkakan pertumbuhan ekonomi Amerika Syarikat yang lebih mendadak, peningkatan inflasi dan kadar faedah yang lebih tinggi pada masa depan. Berikutan ini, pelabur-pelabur sedunia telah menjual bon-bon dan aset-aset pasaran baru muncul mereka dan seterusnya telah melaburkannya ke dalam pasaran ekuiti Amerika Syarikat, menyebabkan pasaran ekuiti Amerika Syarikat mencapai tahap yang tertinggi.

Pasaran sukuk tempatan terjejas pada akhir tahun kewangan ekoran reaksi kepada prospek peningkatan rangsangan fiskal di bawah pentadbiran Donald Trump. Terbitan Pelaburan Kerajaan (GII) jatuh dengan ketara ekoran peningkatan hasil yang mendadak, disebabkan oleh sebahagian besarnya daripada jangkaan kenaikan kadar faedah Amerika Syarikat yang berbilang, kedudukan Ringgit yang lemah dan keputusan pilihan raya presiden Amerika Syarikat.

Kerajaan kekal komited terhadap pengukuhan fiskal, di mana sasaran defisit bajet sebagai peratusan daripada KDNK dijangka menurun daripada 3.1% pada tahun 2016 kepada 3.0% pada tahun 2017. Ketiga-tiga agensi penarafan antarabangsa mengesahkan penarafan negara Malaysia pada A-/A3 dengan unjuran yang stabil.

UTUSAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF (SAMB.)

Prestasi

Walaupun tahun 2016 kurang memberangsangkan bagi pasaran saham, prestasi kebanyakan dana-dana tidak terhad kami masih menggalakkan jika dibandingkan dengan penanda aras masing-masing dan juga rakan-rakan industri lain. Ini terutamanya prestasi Dana A-Dana Income kami yang telah memberikan pulangan sebanyak 4.08% kepada pelabur-pelabur pada 2016, berbanding penanda arasnya pada 3.88%. Prestasi ini sebahagian besarnya disebabkan oleh pegangannya dalam sukuk korporat yang telah memberikan kadar keuntungan yang tinggi. Prestasi lima tahun kami adalah membanggakan berikutan keupayaan Dana A-Dana Income, Dana A-Dana Balance dan Dana A-Dana Ekuiti mengatasi penanda aras masing-masing dengan pencatatan mata asas (bps) tahunan sebanyak 52bps, 100bps dan 255bps masing-masing. Dari segi pulangan mutlak, dana-dana telah mencatatkan pulangan tahunan sebanyak 3.98%, 4.29%, dan 6.59% masing-masing.

Unjuran

Kami menjangkakan kemenangan mengejut Donald Trump dalam pilihan raya Presiden Amerika Syarikat akan menyebabkan tinjauan pasaran yang tidak menentu. Manifesto kempen Presiden Trump, khususnya yang berkaitan anti perdagangan dan bersifat perlindungan, sekiranya dilaksanakan boleh menyebabkan kegelutan perdagangan di antara Amerika Syarikat dan rakan-rakan dagangannya, ini boleh membawa kesan yang serius ke atas ekonomi global. Memandangkan keadaan yang tidak tentu ini, kami akan tetap berwaspada dan sejurusnya menyesuaikan strategi kami dengan sewajarnya sehinggalah kejelasan diperolehi mengenai dasar-dasar ekonomi dan perdagangan Donald Trump.

Di pasaran sukuk tempatan, Bank Negara dijangka akan mengekalkan Kadar Dasar Semalaman (OPR) yang mantap dalam masa depan terdekat kerana pendirian monetari semasa dianggap sebagai akomodatif dan menyokong aktiviti ekonomi negara manakala inflasi dijangka kekal stabil. Walau bagaimanapun, harga minyak yang tidak menentu dan prestasi Ringgit dijangka mempengaruhi pasaran sukuk Malaysia, begitu juga dengan ketidakpastian yang timbul menjelang kepimpinan Trump, dasar bank-bank pusat utama dunia dan politik Eropah boleh menjejaskan Ringgit dan sentimen pasaran. Penormalan kadar faedah di Amerika Syarikat boleh memberi kesan kepada aliran dana dan pergerakan USD, walaupun kitaran mengetatkan monetari dijangka dilaksanakan secara beransur-ansur.

Kami mengucapkan terima kasih sekali lagi demi kepercayaan anda terhadap kami. Pasukan pelaburan kami yang profesional dan berkepercayaan menggunakan kaedah pelaburan yang kukuh dan terbukti serta disokong oleh rangka kerja pengurusan risiko yang kukuh, dan dengan itu kami memberi jaminan kepada anda bahawa kami akan terus melaburkan wang anda secara berhemat bagi mencapai pulangan yang terbaik mungkin.

Salam sejahtera dan semoga berjaya dalam tahun 2017.

Yang benar,



Elmie Aman Najas
Ketua Pegawai Eksekutif
AIA PUBLIC Takaful Bhd.

TINJAUAN PASARAN

TINJAUAN PASARAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 30 NOVEMBER 2016

1. Ulasan Pasaran Saham Tempatan

Tinjauan Pasaran

Bagi tempoh kewangan berakhir 30 November 2016, Indeks FBM Emas Syariah turun sebanyak 4.84%, menandakan penurunan tiga tahun berturut-turut. Pasaran mengalami kesukaran sepanjang tahun akibat beberapa isu-isu tempatan dan global. Walaupun ianya bermula dengan positif pada bulan Disember 2015 di mana kedudukan Ringgit yang lemah telah meningkatkan harga barangan berorientasikan eksport, terutamanya di dalam sektor teknologi dan sarung tangan getah, namun kebimbangan mengenai kemerosotan ekonomi China dan prestasi pasaran saham yang menjunam mencetuskan penjualan mendadak di Asia pada Januari 2016. Pasaran Malaysia kemudiannya menampakkan lantunan dari akhir bulan Januari hingga Mac 2016 bersandarkan pemulihan harga minyak mentah dan ekoran langkah Bank Negara untuk mengurangkan rizab berkanun daripada 4.0% kepada 3.5%, yang sememangnya tidak dijangkakan. Walaupun andaian harga minyak mentah yang lebih rendah iaitu AS30-35 / setong vs AS 48 / setong, defisit bajet Malaysia kekal pada 3.1% daripada KDNK pada tahun 2016 di samping menaikkan levi pekerja asing, megurangkan perbelanjaan operasi, dan memperkenalkan levi spektrum telekomunikasi bagi memalam kekurangan.

Bank of Japan dan Bank Pusat Eropah selanjutnya telah melonggarkan dasar monetarinya manakala Fed AS telah mengurangkan bilangan peningkatan kadar kenaikan bagi tahun semasa. Walau bagaimanapun, perkembangan ini tidak kekal lama kerana kemunculan kembali isu hutang 1MDB disusuli dengan pengumuman MSCI akan pengurangan pewajaran Malaysia dalam indeks MSCI. Keadaan ini diburukkan lagi oleh pendapatan korporat yang mengecewakan disebabkan oleh ketidak-mampuan syarikat-syarikat menampung kenaikan kos serta ketidaktentuan ekonomi global.

Pasaran global mengalami kerusingan pada Jun 2016 berikutan keputusan UK untuk meninggalkan Kesatuan Eropah namun situasi ini mereda dengan cepat bersandarkan jangkaan bahawa bank-bank pusat global akan terus melonggarkan dasar monetarinya. Pasaran Malaysia juga dirangsang oleh penurunan kadar faedah sebanyak 0.25% oleh Bank Negara pada Julai 2016 seiring dengan langkah-langkah awal BNM bagi memastikan pertumbuhan ekonomi kekal pada landasan yang stabil. Namun kelegaan ini tidak kekal lama berikutan laporan bahawa Jabatan Kehakiman Amerika Syarikat akan merampas aset bernilai lebih daripada AS1.0 bilion yang didakwa dikesan kepada 1MDB. Pada bulan Ogos 2016, KDNK di Malaysia dan Eropah masih menampakkan kelembapan, di mana pertumbuhan KDNK 2Q16 Malaysia turun kepada 4.0% berbanding dengan 4.2% pada 1Q16, manakala KDNK 2Q16 zon Euro merosot kepada 0.30% berbanding dengan 0.5% pada 1Q16.

Bulan November 2016 merupakan waktu yang tidak menentu bagi pasaran global berikutan kemenangan mengejut Donald Trump dalam Pilihan Raya Presiden Amerika Syarikat. Memandangkan rancangan Donald Trump untuk melaburkan AS1 trilion sepanjang tempoh 10 tahun untuk membina semula infrastruktur Amerika, pasaran menjangkakan pertumbuhan ekonomi AS yang lebih mendadak, peningkatan inflasi dan kadar faedah yang lebih tinggi pada masa depan. Ini seharusnya membawakan pasaran ekuiti dan nilai mata wang AS yang lebih kukuh. Berikutan ini, pelabur-pelabur sedunia telah menjual bon-bon dan aset-aset pasaran baru muncul mereka dan seterusnya telah melaburkannya ke dalam pasaran ekuiti AS, yang menyebabkan pasaran ekuiti AS mencapai tahap yang tertinggi.

TINJAUAN PASARAN (SAMB.)

TINJAUAN PASARAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 30 NOVEMBER 2016 (SAMB.)

1. Ulasan Pasaran Saham Tempatan (samb.)

Unjuran Pasaran

Kemenangan mengejut Donald Trump sebagai bakal Presiden Amerika Syarikat menyebabkan tinjauan pasaran yang tidak menentu. Berikutan penjualan mendadak di pasaran baru muncul yang menyusuli kemenangannya, kami menjangkakan perdagangan menyamping akan berterusan sehinggalah munculnya dasar-dasar ekonomi, kewangan, fiskal dan perdagangan AS yang lebih jelas. Janji-janji kempen Presiden Trump, khususnya yang berkaitan anti perdagangan dan bersifat perlindungan, sekiranya dilaksanakan boleh menyebabkan kegelutan perdagangan antarabangsa yang boleh membawa kesan yang serius ke atas ekonomi global. Namun, konsensus pasaran tidak menjangkakan bahawa dasar perlindungan perdagangan yang melampau seperti pelaksanaan tarif 45% ke atas barangan import negara China akan dilaksanakan. Walau bagaimanapun, memandangkan ketidakpastian, kami akan tetap berwaspada dan sejurusnya menyesuaikan strategi ekuiti kami dengan sewajarnya sehinggalah kejelasan yang lebih kukuh diperolehi.

Peluang

- Pelaksanaan projek infrastruktur mega kerajaan dan perbelanjaan pengguna yang berdaya tahan hasil daripada kenaikan gaji kakitangan awam, pemberian BR1M, dan pemotongan dalam caruman KWSP dijangka akan mengekalkan pertumbuhan ekonomi pada kadar lebih 4%.
- Harga minyak mentah dan minyak sawit mentah menampakkan peningkatan dan dijangka akan mempertingkatkan KDNK, lebihan akaun semasa dan sentimen pasaran.
- Konsensus menjangkakan peningkatan pendapatan korporat di antara 5% -10% bagi tahun 2017.
- Nilai saksama asas Ringgit dianggarkan sebanyak RM4.10 / USD. Peningkatan lebihan akaun semasa hasil daripada harga komoditi yang lebih kukuh dan langkah-langkah BNM boleh mengukuhkan Ringgit di masa depan.
- Jangkaan pilihan raya umum pada awal tahun 2017 dapat mengekalkan kecergasan pasaran saham.
- Pelaburan asing di Malaysia adalah pada paras terendah dalam empat tahun.
- Pasaran akan bertindak secara positif sekiranya Presiden dipilih Donald Trump melaksanakan dasar-dasar yang kurang bersifat perlindungan daripada apa yang dijanjikan semasa kempen pilihan rayanya.

TINJAUAN PASARAN (SAMB.)

TINJAUAN PASARAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 30 NOVEMBER 2016 (SAMB.)

1. Ulasan Pasaran Saham Tempatan (samb.)

Kebimbangan

- Harga minyak mentah jatuh ke bawah USD40 setong bagi tempoh yang lama.
- Pemilikan asing bon kerajaan Malaysia berada pada tahap 48.4% pada 30 Nov 2016. Aliran keluar yang berterusan boleh melemahkan Ringgit.
- Pendapatan korporat mungkin mengecewakan ekoran prestasi Ringgit yang lemah dan kenaikan kos perniagaan.
- Lanjutan berita negatif politik tempatan serta peningkatan sentimen anti-pertubuhan di dalam Zon Euro yang boleh menjejaskan kewujudan Kesatuan Eropah.
- Sekiranya Presiden dipilih Donald Trump memulakan dasar perlindungan perdagangan yang agresif.
- Ekonomi negara China menjunam dan keturunan nilai Renminbi yang ketara.
- Peningkatan kadar faedah AS yang lebih cepat dan curam daripada apa yang dijangkakan.

2. Ulasan Pasaran Sukuk Tempatan

Tinjauan Pasaran

Bagi tempoh yang ditinjau Terbitan Pelaburan Kerajaan (GII) jatuh dengan ketara ekoran peningkatan hasil yang mendadak, disebabkan oleh sebahagian besarnya daripada jangkaan kenaikan kadar faedah AS yang berbilang, kedudukan Ringgit yang lemah dan keputusan pilihan raya presiden Amerika Syarikat. Harga minyak mentah masih tidak menentu dalam tempoh ini, ekoran usaha OPEC untuk menetapkan perjanjian penghentian output yang membimbangkan pasaran kewangan. Lanjutan berita negatif berkaitan 1MDB juga memberikan tekanan terhadap kedudukan Ringgit. Sebaliknya, pasaran sukuk kerajaan tempatan telah disokong oleh mudah tunai dalam pesisir dan pelabur-pelabur asing yang memburu hasil, berikutan dasar-dasar kadar faedah negatif dalam pasaran maju.

Kerajaan kekal komited terhadap pengukuhan fiskal, di mana sasaran defisit bajet sebagai peratusan daripada KDNK dijangka meningkat daripada 3.1% pada tahun 2016 kepada 3.0% pada tahun 2017. Ketiga-tiga agensi penarafan antarabangsa mengesahkan penarafan negara Malaysia pada A-/A3 dengan unjuran yang stabil.

Dalam tindak balas kepada prospek peningkatan rangsangan fiskal di bawah pentadbiran Donald Trump, sentimen pasaran sukuk tempatan terjejas pada akhir tahun kewangan, sejajar dengan prestasi pasaran sukuk global.

TINJAUAN PASARAN (SAMB.)

TINJAUAN PASARAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 30 NOVEMBER 2016 (SAMB.)

2. Ulasan Pasaran Sukuk Tempatan (samb.)

Unjuran Pasaran

Bank Negara Malaysia dijangka akan mengekalkan Kadar Dasar Semalaman (OPR) yang mantap dalam masa depan terdekat kerana pendirian monetari semasa dianggap sebagai akomodatif dan menyokong aktiviti ekonomi negara manakala inflasi dijangka kekal stabil.

Kadar kitaran pengetatan Fed AS dijangka beransur-ansur dan bergantung kepada data ekonomi, oleh itu tidak mungkin menimbulkan risiko penurunan ketara kepada pasaran sukuk Malaysia. Walau bagaimanapun, harga minyak yang tidak menentu dan prestasi Ringgit dijangka mempengaruhi pasaran sukuk Malaysia. Menuju ke hadapan, ketidaktentuan yang timbul menjelang kepimpinan Trump, dasar bank-bank pusat utama dunia dan politik Eropah boleh menjejaskan Ringgit dan sentimen pasaran.

Peluang

- Hasil sukuk kerajaan tempatan meningkat sedikit seiring dengan pasaran sukuk global selepas pilihan raya presiden Amerika Syarikat, menyebabkan tahap hasil yang menarik. Walaupun pengasasan ekonomi Malaysia kekal mantap dan menyokong Ringgit yang lebih kukuh, ianya tidak dilindungi sepenuhnya daripada potensi perkembangan luar yang negatif yang mungkin memberikan tekanan terhadap pasaran kewangan tempatan.
- Meskipun Rizab Persekutuan AS telah memulakan dasar pengetatan monetari, kadar pengetatan ini sebesar mungkin akan dilakukan secara beransur-ansur, akibat kadar faedah di zon Euro dan Jepun yang kekal rendah. Kadar faedah yang rendah dalam ekonomi maju dan hasil sukuk Malaysia yang tinggi berbanding dengan pasaran baru muncul yang lain di rantau ini, akan terus menjadikan aset pendapatan tetap Malaysia menarik.

Kebimbangan

- Pemilikan asing dalam MGS yang agak tinggi telah mendedahkan pasaran sukuk domestik kepada jualan asing sekiranya pelabur-pelabur mula menarik keluar daripada pasaran baru muncul.
- Ketidaktentuan berkenaan dengan dasar-dasar Presiden Donald Trump, terutamanya perlindungan perdagangan, boleh menyebabkan ketidaktentuan nilai Ringgit dan pasaran sukuk tempatan.
- Kebimbangan mengenai potensi pengurangan program pelonggaran kuantitatif oleh Bank Pusat Eropah yang berakhir pada Mac 2017, boleh memberi tekanan kepada pasaran sukuk sedang membangun.
- Rizab Persekutuan mungkin menerima pakai kitaran pengetatan yang lebih agresif daripada yang dijangkakan, menyebabkan penyempitan perbezaan kadar hasil di antara Perbendaharaan AS dan sukuk kerajaan Malaysia. Ini mungkin menyebabkan pelabur-pelabur asing mengelakkan bon kerajaan tempatan.

JADUAL PERBANDINGAN PRESTASI

01. DANA A-DANA INCOME

Bagi tahun fiskal 2016, atas nilai bersih, Dana telah memberikan pulangan 4.08% berbanding penanda aras 3.88%. Sejak permulaannya pada Mac 2011, Dana telah mencatatkan pulangan tahunan 4.33% berbanding penanda aras 3.42%.

Penanda Aras	1 Bulan	1 Tahun	3 Tahun	5 Tahun	Sejak Permulaan
	Okt 16 - Nov 16	Nov 15- Nov 16	Nov 13- Nov 16	Nov 11 - Nov 16	Mac 11 - Nov 16
Dana A-Dana Income	-1.54%	4.08%	3.47%	3.98%	4.33%
Indeks*	0.29%	3.88%	3.60%	3.46%	3.42%
Lebih/(Bawah) prestasi	-1.83%	0.19%	-0.14%	0.52%	0.91%

* Kadar Tahap 1 Akaun Pelaburan Umum (Islam) 12 bulan Maybank (Sumber: Laman web Maybank)

Notis: Prestasi lepas bukanlah penanda bagi prestasi masa depan. Prestasi dana juga tidak terjamin

Apakah pelaburan yang mempengaruhi prestasi Dana semasa tahun tersebut?

Positif

- Pegangan Dana dalam sukuk korporat yang menghasilkan kadar keuntungan yang tinggi telah menyumbang kepada prestasi Dana.

Negatif

- Pegangan Dana dalam kredit penarafan tertentu yang lebih rendah telah diturunkan taraf dan/atau diletakkan di bawah unjuran negatif telah menjejaskan prestasi.

Apakah unjuran masa depan?

Dana mungkin mengekalkan strategi pelaburan semasa terutamanya dalam sukuk korporat dan kerajaan sederhana berjadual sehingga risiko aliran keluar modal asing daripada pasaran bon kerajaan Malaysia berkurangan ekoran kestabilan atau peningkatan harga minyak, kedudukan Ringgit dan fiskal Malaysia. Penambahbaikan dalam bidang-bidang ini mungkin mendorong Dana untuk mempertimbangkan pelaburan yang lebih dalam sukuk jangka masa panjang bagi memerolehi manfaat daripada peningkatan di dalam pasaran bon.

Sebaliknya, jika petunjuk-petunjuk ekonomi menurun secara ketara yang mungkin meningkatkan risiko penurunan penarafan Malaysia dan mencetuskan pengaliran keluar modal asing yang ketara daripada pasaran bon kerajaan Malaysia, Dana akan meningkatkan pelaburannya dalam sukuk berjangka pendek dengan objektif utama bagi mengurangkan ketidaktentuan Dana.


Adakah terdapat sebarang perubahan dalam matlamat pelaburan atau ciri-ciri risiko Dana?

A-Dana Income akan terus tertumpu kepada memaksimumkan jumlah pulangan yang merangkumi kedua-dua pertumbuhan pendapatan dan modal dengan membuat pelaburan terutamanya dalam bon Islam gred pelaburan (sukuk) dan instrumen pasaran wang Islam di Malaysia sambil meminimumkan risiko pelaburan semula.

JADUAL PERBANDINGAN PRESTASI (SAMB.)

01. DANA A-DANA INCOME (SAMB.)

Pendedahan Aset Dana A-Dana Income pada 30 November 2016



Pecahan sektor pada 30 November:

Kategori/Sektor	2016	2015	2014	2013	2012
Tunai & Kesetaraan Tunai	5%	17%	3%	5%	4%
Kerajaan & Lain-lain Perkhidmatan	11%	5%	4%	-	-
Elektrik, Gas & Air	21%	11%	22%	31%	39%
Kewangan, Takaful, Hartanah & Perkhidmatan Perniagaan	40%	41%	35%	31%	28%
Pengkangkutan, Pergudangan & Komunikai	18%	10%	16%	14%	17%
Pembinaan	5%	16%	20%	19%	4%
Real Estate Investment Trusts (REITs)	-	-	-	-	8%
JUMLAH	100%	100%	100%	100%	100%

JADUAL PERBANDINGAN PRESTASI (SAMB.)

01. DANA A-DANA INCOME (SAMB.)

Analisis perubahan dalam Nilai Bersih Aset (NAV)

	30 Nov 2016	30 Nov 2015	30 Nov 2014	30 Nov 2013	30 Nov 2012
Jumlah NAV (RM)	25,288,703	20,032,402	14,639,380	12,892,832	10,971,581
Bilangan Unit-unit	39,626,245	32,668,233	24,566,372	22,357,076	19,559,111
NAV/unit (RM)	0.638	0.613	0.595	0.577	0.561
NAV tertinggi sepanjang tahun (RM)	0.691	0.613	0.595	0.578	0.561
NAV terendah sepanjang tahun (RM)	0.612	0.594	0.576	0.559	0.525
Cukai (%)	8	8	8	8	8

JADUAL PERBANDINGAN PRESTASI (SAMB.)

02. DANA A-DANA EQUITY

Bagi tahun fiskal 2016, atas asas bersih, Dana telah memberikan pulangan -3.23% berbanding dengan penanda aras -4.44%. Sejak permulaannya pada Mac 2011, Dana telah mencatatkan pulangan tahunan sebanyak 5.71% berbanding penanda aras 3.15%.

Penanda Aras	1 Bulan	1 Tahun	3 Tahun	5 Tahun	Sejak Permulaan
	Okt 16 - Nov 16	Nov 15- Nov 16	Nov 13- Nov 16	Nov 11 - Nov 16	Mac 11 - Nov 16
Dana A-Dana Equity	-3.37%	-3.23%	1.60%	6.59%	5.71%
Indeks*	-3.69%	-4.44%	-1.94%	4.05%	3.15%
Lebih/(Bawah) prestasi	0.32%	1.20%	3.54%	2.55%	2.55%

* 95% FBM Emas Syariah (Sumber: Laman web Bursa Malaysia) + 5% 1 Bulan KLIBOR (Sumber: Laman web Bank Negara Malaysia)

Notis: Prestasi lepas bukanlah penanda bagi prestasi masa depan. Prestasi dana juga tidak terjamin.

Apakah pelaburan yang mempengaruhi prestasi Dana sepanjang tahun tersebut?

Positif

- Dana berwajaran tinggi dalam sektor perbankan dan pembinaan.
- Dana berwajaran rendah dalam sektor telekomunikasi dan pengilangan.
- Pemilihan stok MMC Corp, Time dotcom, Tanah Makmur dan Ekovest.

Negatif

- Dana berwajaran tinggi dalam sektor pengangkutan dan motor.
- Dana berwajaran rendah dalam sektor tenaga dan pengguna.
- Dana berwajaran tinggi dalam Prestariang, MCT dan Globetronics

Apakah strategi masa depan?

Bagi ekuiti, pasaran dijangka akan kekal tidak menentu sehinggalah terdapat tanda-tanda jelas mengenai dasar-dasar Presiden dipilih Amerika Syarikat apabila beliau menjawat jawatannya. Kami menjangkakan bahawa bagi tahun 2017 syarikat-syarikat yang patuh Syariah berpendapatan USD akan meningkatkan prestasi ekoran kedudukan Ringgit yang lemah (kecuali pengeluar sarung tangan yang menghadapi tekanan kenaikan kos bahan mentah, persaingan yang semakin sengit dan tekanan harga), syarikat-syarikat perladangan juga akan meningkatkan prestasi berikutan pemulihan dalam pengeluaran TBS dan harga CPO yang lebih kukuh, sektor pembinaan menampakkkan perkembangan buku pesanan dan syarikat-syarikat hartanah selektif dalam segmen perumahan berpatutan yang memanfaatkan diskaun RNAV, serta syarikat-syarikat usaha sama asing. Syarikat-syarikat yang melaksanakan latihan korporat secara besaran yang kemungkinan membuka aset terpendam juga dijangka akan meningkatkan prestasi.


Adakah terdapat sebarang perubahan dalam matlamat pelaburan atau ciri-ciri risiko dana?

Kami akan terus mencari pertumbuhan jangka panjang ke atas modal dan pendapatan dengan melabur di dalam portfolio ekuiti patuh Syariah yang pelbagai.

JADUAL PERBANDINGAN PRESTASI (SAMB.)

02. DANA A-DANA EQUITY (SAMB.)

Pendedahan Aset Dana A-Dana Equity pada 30 November 2016



Pecahan sektor pada 30 November:

Kategori/Sektor	2016	2015	2014	2013	2012
Tunai & Kesetaraan Tunai	16%	8%	8%	2%	4%
Pembinaan	13%	11%	7%	7%	7%
Produk Pengguna	0%	1%	2%	3%	10%
Kewangan	3%	4%	2%	5%	-
Produk Perindustrian	9%	6%	8%	9%	13%
Syarikat Projek Infrastruktur	4%	5%	7%	6%	8%
Perladangan	10%	8%	10%	8%	6%
Hartanah	5%	6%	9%	7%	3%
Teknologi	2%	4%	3%	2%	-
Perdagangan/Perkhidmatan	38%	47%	44%	51%	47%
Real Estate Investment Trusts (REITs)	-	-	-	-	2%
JUMLAH	100%	100%	100%	100%	100%

JADUAL PERBANDINGAN PRESTASI (SAMB.)

02. DANA A-DANA EQUITY (SAMB.)

Analisis perubahan dalam Nilai Bersih Aset (“NAV”)

	30 Nov 2016	30 Nov 2015	30 Nov 2014	30 Nov 2013	30 Nov 2012
Jumlah NAV (RM)	66,184,515	38,428,303	25,610,101	17,804,022	9,811,300
Bilangan Unit-unit	96,068,866	53,999,001	36,012,099	27,127,605	17,904,878
NAV/unit (RM)	0.688	0.712	0.711	0.656	0.548
NAV tertinggi sepanjang tahun (RM)	0.721	0.762	0.730	0.656	0.578
NAV terendah sepanjang tahun (RM)	0.631	0.637	0.651	0.537	0.498
Cukai (%)	8	8	8	8	8

JADUAL PERBANDINGAN PRESTASI (SAMB.)

03. DANA A-DALI EQUITY

Bagi tahun fiskal 2016, atas asas bersih, Dana telah memberikan pulangan -3.39% berbanding dengan penanda aras -4.84%. Sejak permulaannya pada Februari 2013, Dana telah mencatatkan pulangan tahunan sebanyak 2.14% berbanding penanda aras 2.21%.

Penanda Aras	1 Bulan	1 Tahun	3 Tahun	Sejak Permulaan
	Okt 16 - Nov 16	Nov 15 - Nov 16	Nov 13 - Nov 16	Feb 13 - Nov 16
Dana A-DALI Equity	-3.04%	-3.39%	-0.73%	2.14%
Indeks*	-3.90%	-4.84%	-2.23%	2.21%
Lebih/(Bawah) prestasi	0.86%	1.46%	1.50%	-0.07%

* FBM Emas Syariah (Sumber: Laman web Bursa Malaysia)

Notis: Prestasi lepas bukanlah penanda bagi prestasi masa depan. Prestasi dana juga tidak terjamin.

Apakah pelaburan yang mempengaruhi prestasi Dana sepanjang tahun tersebut?

Positif

- Dana berwajaran rendah dalam sektor telekomunikasi, bahan pembinaan dan minyak & gas
- Dana berwajaran tinggi dalam sektor pengguna

Negatif

- Dana berwajaran tinggi dalam sektor perindustrian
- Dana berwajaran rendah dalam sektor pengguna dan perbankan Islam

Apakah strategi masa depan?

Pemilihan saham merupakan kunci dan sebarang kejatuhan harga daripada kebimbangan makro adalah peluang membeli. Kami akan menyimpan saham syarikat-syarikat berkaitan kerajaan (GLC) kerana kami yakin bahawa momentum GLC akan meningkat tahun ini. Kami juga terus cenderung terhadap sektor pembinaan dan pelaburan alpha dalam syarikat-syarikat permodalan kecil.


Adakah terdapat sebarang perubahan dalam matlamat pelaburan atau ciri-ciri risiko dana?

Kami akan meneruskan usaha memaksimumkan pertumbuhan modal dan pendapatan jangka panjang menerusi portfolio ekuiti patuh Syariah yang pelbagai.

JADUAL PERBANDINGAN PRESTASI (SAMB.)

03. DANA A-DALI EQUITY (SAMB.)

Pendedahan Aset Dana A-DALI Equity pada 30 November 2016



Pecahan sektor pada 30 November:

Kategori/Sektor	2016	2015	2014	2013
Tunai & Kesetaraan Tunai	4%	3%	7%	2%
Dana Mutual	96%	97%	93%	98%
JUMLAH	100%	100%	100%	100%

Analisis perubahan dalam Nilai Bersih Aset ("NAV")

	30 Nov 2016	30 Nov 2015	30 Nov 2014	30 Nov 2013
Jumlah NAV (RM)	7,014,279	5,002,249	1,650,694	615,762
Bilangan Unit-unit	12,931,255	8,908,536	2,919,861	1,111,233
NAV/unit (RM)	0.542	0.562	0.565	0.554
NAV tertinggi sepanjang tahun (RM)	0.585	0.584	0.584	0.554
NAV terendah sepanjang tahun (RM)	0.538	0.518	0.544	0.492
Cukai (%)	8	8	8	8

JADUAL PERBANDINGAN PRESTASI (SAMB.)

04. DANA A-DANA BALANCED

Bagi tahun fiskal 2016, atas asas bersih, Dana telah memberikan pulangan -2.54% berbanding dengan penanda aras -2.42%. Sejak permulaannya pada Ogos 2011, Dana telah mencatatkan pulangan tahunan sebanyak 3.66% berbanding penanda aras 3.27%.

Penanda Aras	1 Bulan	1 Tahun	3 Tahun	5 Tahun	Sejak Permulaan
	Okt 16 - Nov 16	Nov 15- Nov 16	Nov 13- Nov 16	Nov 11 - Nov 16	Ogos 11 - Nov 16
Dana A-Dana Balanced	-3.29%	-2.54%	1.38%	4.29%	3.66%
Indeks*	-3.65%	-2.42%	0.14%	3.29%	3.27%
Lebih/(Bawah) prestasi	0.35%	-0.13%	1.24%	1.00%	0.39%

* 70% FBM Emas Syariah (Sumber: Laman web Bursa Malaysia) + 30% GII ALL Index (Sumber: RAM QuantShop@www.quantshop.com)

Notis: Prestasi lepas bukanlah penanda bagi prestasi masa depan. Prestasi dana juga tidak terjamin.

Apakah pelaburan yang mempengaruhi prestasi Dana sepanjang tahun tersebut?

Positif

- Dana berwajaran tinggi dalam sektor pembinaan dan perbankan Islam
- Dana berwajaran rendah dalam sektor telekomunikasi dan pengilangan
- Pemilihan stok Tanah Makmur, Ekovest dan MMC Corp

Negatif

- Dana berwajaran rendah dalam sektor tenaga dan pengguna.
- Dana berwajaran tinggi dalam sektor pengangkutan dan motor.
- Dana berwajaran tinggi dalam Prestariang, MCT dan Globetronics

Apakah strategi masa depan?

Bagi ekuiti, pasaran dijangka akan kekal tidak menentu sehinggalah terdapat tanda-tanda jelas mengenai dasar-dasar Presiden dipilih Amerika Syarikat apabila beliau menjawat jawatannya. Kami menjangkakan bahawa bagi tahun 2017 syarikat-syarikat yang patuh Syariah berpendapatan USD akan meningkatkan prestasi ekoran kedudukan Ringgit yang lemah (kecuali pengeluar sarung tangan yang menghadapi tekanan kenaikan kos bahan mentah, persaingan yang semakin sengit dan tekanan harga), syarikat-syarikat perladangan juga akan meningkatkan prestasi berikutan pemulihan dalam pengeluaran TBS dan harga CPO yang lebih kukuh, sektor pembinaan menampakkan perkembangan buku pesanan dan syarikat-syarikat hartanah selektif dalam segmen perumahan berpatutan yang memanfaatkan diskaun RNAV, serta syarikat-syarikat usaha sama asing. Syarikat-syarikat yang melaksanakan latihan korporat secara besaran yang kemungkinan membuka aset terpendam juga dijangka akan meningkatkan prestasi.

Bagi pendapatan tetap, kami akan berkedudukan neutral bagi jangka masa sementara membuat pelaburan di dalam sukuk korporat dan kerajaan yang menawarkan nilai-nilai relatif yang baik.


JADUAL PERBANDINGAN PRESTASI (SAMB.)

04. DANA A-DANA BALANCED (SAMB.)

Adakah terdapat sebarang perubahan dalam matlamat pelaburan atau ciri-ciri risiko dana?

Kami akan terus mencari pendapatan dan pulangan yang tinggi melalui pemilihan teliti sukuk berkualiti serta mengekalkan kepelbagaian portfolio korporat dan kerajaan bagi perlindungan modal. Bagi bahagian ekuiti, kami akan terus mencari pertumbuhan jangka panjang modal dan pendapatan melalui portfolio ekuiti patuh Syariah yang pelbagai.

Pendedahan Aset Dana A-Dana Balanced pada 30 November 2016



JADUAL PERBANDINGAN PRESTASI (SAMB.)

04. DANA A-DANA BALANCED (SAMB.)

Pecahan sektor pada 30 November:

Kategori/Sektor	2016	2015	2014	2013	2012
Tunai & Kesetaraan Tunai	4%	9%	4%	4%	-
Pendapatan Tetap	30%	24%	29%	2%	-
Barangan Pengguna	1%	1%	2%	3%	-
Produk Perindustrian	7%	5%	6%	27%	-
Pembinaan	10%	8%	5%	15%	-
Perdagangan/Perkhidmatan	29%	34%	31%	5%	-
Teknologi	2%	3%	2%	5%	-
Syarikat Projek Infrastruktur	3%	3%	5%	26%	-
Kewangan	2%	3%	2%	9%	-
Hartanah	4%	5%	7%	4%	-
Perladangan	8%	5%	7%	-	-
Unit Amanah Patuh Syariah	-	-	-	-	100%
JUMLAH	100%	100%	100%	100%	100%

Analisis perubahan dalam Nilai Bersih Aset ("NAV")

	30 Nov 2016	30 Nov 2015	30 Nov 2014	30 Nov 2013	30 Nov 2012
Jumlah NAV (RM)	9,956,415	8,186,104	6,415,884	6,360,646	6,909,242
Bilangan Unit-unit	8,226,093	6,591,350	5,239,800	5,437,100	6,541,022
NAV/unit (RM)	1.210	1.242	1.224	1.170	1.060
NAV tertinggi sepanjang tahun (RM)	1.251	1.290	1.247	1.220	1.060
NAV terendah sepanjang tahun (RM)	1.199	1.141	1.154	1.030	1.010
Cukai (%)	8	8	8	8	8

BUTIRAN PELABURAN

01. DANA A-DANA INCOME

TERBITAN PELABURAN KERAJAAN

Kuantiti	Nama Kaunter	Penarafan	Kos Agregat RM	Nilai Pasaran RM	% Nilai Bersih Aset
1,300,000	MALAYSIA INVESTMENT ISSUE	NA	1,299,553	1,294,797	5.12%
1,300,000			1,299,553	1,294,797	

SUKUK KORPORAT TIDAK DISEBUTHARGA

Kuantiti	Nama Kaunter	Penarafan	Kos Agregat RM	Nilai Pasaran RM	% Nilai Bersih Aset
300,000	KAPAR ENERGY VENTURES	AA+(IS)	297,180	295,746	1.17%
1,000,000	SARAWAK ENERGY BHD	AAA	1,007,490	1,003,792	3.97%
400,000	TANJUNG BIN POWER SDN BHD	AA2	412,460	398,080	1.57%
400,000	TANJUNG BIN ENERGY ISSUE	AA3	451,880	430,340	1.70%
1,000,000	TAQA ABU DHABI NATIONAL ENERGY	AA1	1,001,800	998,140	3.95%
2,280,000	BGSM MANAGEMENT	AA3	2,330,390	2,298,802	9.09%
1,000,000	MALAYSIA AIRPORT HLDGS BHD	AA2	1,042,720	1,031,760	4.08%
1,200,000	NORTHPORT MALAYSIA BHD	AA-(IS)	1,230,265	1,229,964	4.86%
1,400,000	SIME DARBY BHD	AAA(ID)	1,461,520	1,435,434	5.68%
600,000	TEMASEK EKSKLUSIF SDN BHD	NA	596,880	595,932	2.36%
900,000	UEM SUNRISE BHD	AA-(IS)	907,880	888,516	3.51%
500,000	WESTPORTS MALAYSIA SDN BHD	AA+(IS)	503,800	483,810	1.91%
400,000	CIMB ISLAMIC BANK BHD	AA+(IS)	438,500	411,556	1.63%
300,000	IMTIAZ SUKUK BHD	AA2(S)	299,100	296,730	1.17%
2,200,000	MALAKOFF POWER BHD	AA-(IS)	2,353,240	2,303,466	9.11%
850,000	MAYBANK ISLAMIC BHD	AA1	854,095	846,039	3.35%
200,000	RHB ISLAMIC BANK BHD	AA3	200,000	200,508	0.79%
1,700,000	SABAH CREDIT CORP	AA1	1,704,742	1,697,128	6.71%
1,000,000	AQUASAR CAPITAL SDN BHD	AAA(S)	1,023,300	1,010,370	4.00%
800,000	CELCOM NETWORKS SDN BHD	AA+(IS)	810,560	789,704	3.12%
500,000	COUNTRY GARDEN HLDG CO	NA	500,000	499,615	1.98%
300,000	EAST KLANG VALLEY EXPRESSWAY SDN BHD	NA	303,720	313,368	1.24%
1,500,000	JIMAH EAST POWER SDN BHD	AA-(IS)	1,500,000	1,581,945	6.26%
500,000	KIMANIS POWER SDN BHD	AA-(IS)	511,850	496,375	1.96%
1,000,000	SAMALAJU INDUSTRIAL PORT SDN BHD	AA1(S)	1,011,640	1,019,626	4.03%
22,230,000			22,755,012	22,556,746	

BUTIRAN PELABURAN (SAMB.)

01. DANA A-DANA INCOME (SAMB.)

DEPOSIT DENGAN INSTITUSI KEWANGAN ISLAM

Kuantiti	Nama Kaunter	Kos Agregat RM	Nilai Pasaran RM	% Nilai Bersih Aset
1,640,000	CIMB ISLAMIC BANK	1,640,000	1,640,000	6.49%
1,640,000		1,640,000	1,640,000	

02. DANA A-DANA EQUITY

SAHAM DILULUSKAN SYARIAH DISEBUTHARGA

Kuantiti	Nama Kaunter	Kos Agregat RM	Nilai Pasaran RM	% Nilai Bersih Aset
PEMBINAAN				
509,100	GAMUDA BERHAD	2,413,109	2,443,680	3.69%
1,707,400	IKHMAS JAYA GROUP BHD	1,172,809	981,755	1.48%
777,200	IJM CORPORATION BERHAD	2,598,622	2,510,356	3.79%
243,750	PROTASCO BERHAD	366,776	292,500	0.44%
1,023,000	EKOVEST BHD	1,832,129	2,363,130	3.57%
BARANGAN PENGGUNA				
16,300	PPB GROUP BHD	256,838	254,932	0.39%
413,000	SUPERMAX CORP BHD	908,596	900,340	1.36%
KEWANGAN				
260,740	BIMB HOLDINGS BHD	994,018	1,076,856	1.63%
234,100	SYARIKAT TAKAFUL MALAYSIA	685,584	976,197	1.47%
PRODUK PERINDUSTRIAN				
227,600	CB INDUSTRIAL PRODUCT HOLDINGS BERHAD	473,259	446,096	0.67%
369,000	CHIN WELL HOLDINGS BHD	529,558	564,570	0.85%
711,040	KNM GROUP BHD	419,574	220,422	0.33%
239,700	PETRONAS CHEMICALS GROUP BHD	1,576,434	1,637,151	2.47%
28,100	PETRONAS GAS BERHAD	589,513	589,538	0.89%
112,000	HUME INDUSTRIES BHD	405,179	332,640	0.50%
66,600	KESM INDUSTRIES BHD	631,703	656,010	0.99%
812,800	VS INDUSTRY BHD	1,143,140	1,146,048	1.73%
SYARIKAT PROJEK INFRASTRUKTUR				
251,232	DIGI.COM BHD	1,360,248	1,223,500	1.85%
143,800	TIME DOTCOM BHD	870,534	1,140,334	1.72%

BUTIRAN PELABURAN (SAMB.)**02. DANA A-DANA EQUITY (SAMB.)****SAHAM DILULUSKAN SYARIAH DISEBUTHARGA (SAMB.)**

Kuantiti	Nama Kaunter	Kos Agregat RM	Nilai Pasaran RM	% Nilai Bersih Aset
PERLADANGAN				
482,600	BOUSTEAD PLANTATIONS BHD	731,056	762,508	1.15%
144,400	GENTING PLANTATIONS BHD	1,542,912	1,545,080	2.33%
390,900	IOI CORPORATION BERHAD	1,785,445	1,700,415	2.57%
48,500	KUALA LUMPUR KEPONG BHD	1,136,875	1,158,180	1.75%
289,300	FELDA GLOBAL VENTURES	571,773	445,522	0.67%
531,100	TANAH MAKMUR BERHAD	854,726	993,157	1.50%
HARTANAH				
206,200	CRESCENDO CORPORATION BERHAD	525,015	307,238	0.46%
247,157	HUA YANG BHD	303,656	266,930	0.40%
310,417	MATRIX CONCEPTS HOLDINGS BHD	661,704	763,626	1.15%
198,633	SUNWAY BERHAD	611,043	585,967	0.89%
686,000	TITIJAYA LAND BHD	1,307,087	1,166,200	1.76%
322,800	UEM EDGENTA BERHAD	1,035,957	1,052,328	1.59%
TEKNOLOGI				
249,900	GHL SYSTEMS BHD	144,255	198,671	0.30%
212,900	VITROX CORPORATION BHD	593,224	749,408	1.13%
PERDAGANGAN/PERKHIDMATAN				
422,095	AXIATA GROUP BERHAD	2,674,460	1,768,578	2.67%
685,400	BARAKAH OFFSHORE PETROLEUM BHD	570,652	445,510	0.67%
1,044,700	OCK GROUP BHD	840,468	825,313	1.25%
414,900	POS MALAYSIA BHD	1,654,926	1,576,620	2.38%
849,130	DIALOG GROUP BERHAD	1,308,393	1,358,608	2.05%
195,000	MAXIS BHD	1,324,746	1,164,150	1.76%
144,500	MAL INTERNATIONAL SHIPPING CORP BHD	1,127,056	1,060,630	1.60%
644,800	MALAKOFF CORPORATION BHD	1,033,704	870,480	1.32%
600,101	MALAYSIA MINING CORPORATION BHD	1,365,167	1,440,242	2.18%
204,100	MBM RESOURCES BERHAD	627,836	467,389	0.71%
560,700	MCT BERHAD	694,982	510,237	0.77%
418,200	PRESTARIANG BHD	497,266	848,946	1.28%
390,795	SIME DARBY BERHAD	3,321,081	3,110,728	4.70%
331,300	SAPURA-KENCANA PETROLEUM BHD	546,511	477,072	0.72%
889,300	TALIWORKS CORP BHD	1,277,654	1,298,378	1.96%
224,872	TELEKOM MALAYSIA BERHAD	1,478,090	1,387,460	2.10%
366,100	TENAGA NASIONAL BERHAD	4,681,036	5,140,044	7.77%
494,200	UZMA BHD	815,836	662,228	1.00%
21,347,462		56,872,212	55,863,899	

BUTIRAN PELABURAN (SAMB.)

02. DANA A-DANA EQUITY (SAMB.)

WARAN, TSRs

Kuantiti	Nama Kaunter	Kos Agregat RM	Nilai Pasaran RM	% Nilai Bersih Aset
PRODUK PERINDUSTRIAN				
30,834	CB INDUSTRIAL PRODUCT HOLDINGS BERHAD	-	9,250	0.01%
136,020	KNM GROUP BHD	-	13,601	0.02%
18,117	MATRIX CONCEPTS HOLDINGS BHD	-	7,519	0.01%
46,500	TALIWORKS CORP BHD	-	9,765	0.01%
54,018	GAMUDA BHD	13,505	62,121	0.09%
285,489		13,505	102,256	

DEPOSIT DENGAN INSTITUSI KEWANGAN ISLAM

Kuantiti	Nama Kaunter	Kos Agregat RM	Nilai Pasaran RM	% Nilai Bersih Aset
10,090,000	CIMB ISLAMIC BANK	10,090,000	10,090,000	15.25%
10,090,000		10,090,000	10,090,000	

03. DANA A-DALI EQUITY

PELABURAN LAIN - MUTUAL FUND

Kuantiti	Nama Kaunter	Kos Agregat RM	Nilai Pasaran RM	% Nilai Bersih Aset
5,421,889	CIMB-PRINCIPAL ASSET MANAGEMENT PTE	7,488,340	6,754,589	96.30%
5,421,889		7,488,340	6,754,589	

BUTIRAN PELABURAN (SAMB.)

04. DANA A-DANA BALANCED

TERBITAN PELABURAN KERAJAAN

Kuantiti	Nama Kaunter	Penarafan	Kos Agregat RM	Nilai Pasaran RM	% Nilai Bersih Aset
250,000	MALAYSIA GOVERNMENT	NA	251,525	251,590	2.53%
250,000			251,525	251,590	

SUKUK KORPORAT TIDAK DISEBUTHARGA

Kuantiti	Nama Kaunter	Penarafan	Kos Agregat RM	Nilai Pasaran RM	% Nilai Bersih Aset
1,050,000	KHAZANAH NASIONAL BHD	NA	892,500	1,014,594	10.19%
300,000	BGSM MANAGEMENT SDN BHD	AA3	312,480	302,895	3.04%
100,000	CELCOM NETWORKS SDN BHD	AA+(IS)	101,310	98,713	0.99%
300,000	KIMANIS POWER SDN BHD	AA-(IS)	309,870	300,599	3.02%
300,000	NORTHPORT MALAYSIA BHD	AA-(IS)	309,330	307,491	3.09%
200,000	SIME DARBY BHD	AAA(ID)	210,580	205,062	2.06%
200,000	TANJUNG BIN ENERGY ISSUE	AA3	225,940	215,170	2.16%
200,000	UEM SUNRISE BHD	AA-(IS)	202,630	197,448	1.98%
100,000	WESTPORTS MALAYSIA SDN BHD	AA+(IS)	100,760	96,762	0.97%
2,750,000			2,665,400	2,738,734	

BUTIRAN PELABURAN (SAMB.)**04. DANA A-DANA BALANCED (SAMB.)****SAHAM DILULUSKAN SYARIAH DISEBUTHARGA**

Kuantiti	Nama Kaunter	Kos Agregat RM	Nilai Pasaran RM	% Nilai Bersih Aset
BARANGAN PENGGUNA				
2,400	PPB GROUP BHD	38,910	37,536	0.38%
49,000	SUPERMAX CORP BHD	107,805	106,820	1.07%
PEMBINAAN				
58,900	GAMUDA BERHAD	273,374	282,720	2.84%
94,500	IJM CORPORATION BERHAD	314,545	305,235	3.07%
195,500	IKHMAS JAYA GROUP BHD	139,422	112,413	1.13%
33,500	PROTASCO BERHAD	49,820	40,200	0.40%
113,500	EKOVEST BHD	200,080	262,185	2.63%
KEWANGAN				
28,460	BIMB HOLDINGS BHD	109,500	117,540	1.18%
25,300	SYARIKAT TAKAFUL MALAYSIA	69,586	105,501	1.06%
SYARIKAT PROJEK INFRASTRUKTUR				
31,000	DIGI.COM BHD	167,055	150,970	1.52%
15,600	TIME DOTCOM BHD	88,234	123,708	1.24%
PRODUK PERINDUSTRIAN				
25,600	CB INDUSTRIAL PRODUCT HOLDINGS BERHAD	54,208	50,176	0.50%
44,300	CHIN WELL HOLDINGS BHD	63,704	67,779	0.68%
88,000	KNM GROUP BHD	53,076	27,280	0.27%
28,400	PETRONAS CHEMICALS GROUP BHD	187,188	193,972	1.95%
2,400	PETRONAS GAS BERHAD	50,239	50,352	0.51%
11,000	HUME INDUSTRIES BHD	42,900	32,670	0.33%
8,100	KESM INDUSTRIES BHD	76,928	79,785	0.80%
95,400	VS INDUSTRY BHD	134,228	134,514	1.35%
HARTANAH				
34,600	CRESCENDO CORPORATION BERHAD	87,697	51,554	0.52%
31,244	HUA YANG BHD	32,112	33,744	0.34%
36,850	MATRIX CONCEPTS HOLDINGS BHD	74,861	90,651	0.91%
20,666	SUNWAY BERHAD	61,402	60,965	0.61%
81,500	TITIJAYA LAND BHD	161,775	138,550	1.39%
38,100	UEM EDGENTA BERHAD	115,322	124,206	1.25%

BUTIRAN PELABURAN (SAMB.)**04. DANA A-DANA BALANCED (SAMB.)****SAHAM DILULUSKAN SYARIAH DISEBUTHARGA (SAMB.)**

Kuantiti	Nama Kaunter	Kos Agregat RM	Nilai Pasaran RM	% Nilai Bersih Aset
PERLADANGAN				
58,400	BOUSTEAD PLANTATIONS BHD	87,765	92,272	0.93%
17,600	GENTING PLANTATIONS BHD	188,691	188,320	1.89%
48,300	IOI CORPORATION BERHAD	217,799	210,105	2.11%
6,000	KUALA LUMPUR KEPONG BHD	143,193	143,280	1.44%
61,000	TANAH MAKMUR BERHAD	100,393	114,070	1.15%
35,700	FELDA GLOBAL VENTURES	71,058	54,978.00	0.55%
PERDAGANGAN/PERKHIDMATAN				
51,533	AXIATA GROUP BERHAD	312,080	215,923	2.17%
76,300	BARAKAH OFFSHORE PETROLEUM BHD	64,263	49,595	0.50%
122,100	OCK GROUP BHD	101,126	96,459	0.97%
44,400	POS MALAYSIA BHD	174,416	168,720	1.69%
93,716	DIALOG GROUP BERHAD	140,485	149,946	1.51%
